



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TEKS UCAPAN PELANCARAN

YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI
BAS.MY KUANTAN

11 FEBRUARI 2026 (RABU) / 12:00 TENGAHARI
PEKARANGAN PARKIR, STADIUM DARUL MAKMUR,
KUANTAN, PAHANG

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

(salutasi akan dimuktamadkan)

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang sudi hadir pada pagi ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada YAB Dato' Sri Diraja Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, yang diwakili oleh YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, barisan EXCO Kerajaan Negeri Pahang, wakil-wakil rakyat negeri serta wakil Kerajaan Negeri yang hadir ke majlis yang bermakna ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Program SBST (atau *Stage Bus Service Transformation*) dirangka dengan tujuan mewujudkan perkhidmatan bas berhenti-henti yang efisien, selamat dan boleh diharap.

4. Untuk makluman, SBST menggunakan **model kos kasar (gross cost model)**, di mana Kerajaan membayar pengendali BAS.MY berdasarkan jarak perjalanan setiap kilometer, tertakluk kepada pencapaian tahap mutu perkhidmatan mengikut piawaian yang ditetapkan.
5. Model ini dipilih selepas kajian mendalam terhadap pelaksanaannya yang berjaya di beberapa negara seperti United Kingdom, Australia, Korea, Singapura dan India.
6. Untuk makluman, pelaksanaan BAS.MY Kuantan melibatkan 16 laluan yang merangkumi dua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Daerah Pekan. Melalui inisiatif ini, sebanyak 55 buah bas digunakan, terdiri daripada 22 buah bas midi dan 33 buah bas mini.
7. Bagi memudahkan penumpang mengenali perkhidmatan BAS.MY serta menarik minat pengguna pengangkutan awam sejak bangku sekolah, reka bentuk bas yang ceria berwarna merah jambu diperkenalkan. Keceriaan warna ini bukan sahaja memberi pengalaman perjalanan yang menarik dan selesa, malah mampu mencipta kenangan bermakna kepada anak-anak kita yang menggunakan bas ini untuk ke sekolah.

8. Kerajaan Persekutuan akan melaburkan sebanyak **RM78.0 juta** bagi tempoh lima tahun, atau **RM17.8 juta setahun**, bagi memastikan kejayaan pelaksanaan BAS.MY Kuantan. Jumlah peruntukan ini amat besar dan harus dimanfaatkan sebaiknya demi kesejahteraan rakyat.

Ciri-Ciri Baharu Bas SBST Kuantan

9. APAD amat prihatin terhadap konteks tempatan dalam perancangan pengangkutan awam. Di Kuantan, perkhidmatan BAS.MY menggunakan bas midi dan bas mini yang bersesuaian dengan permintaan setiap laluan, sekali gus membantu mengurangkan kos operasi dan memudahkan pengendalian.
10. Bas-bas baharu yang diperkenalkan merupakan bas jenis **lantai rendah (low floor)** yang memudahkan penumpang naik dan turun, selain mesra OKU. Bas-bas ini turut dilengkapi ciri keselamatan seperti kamera litar tertutup (CCTV) serta paparan LED bagi memaparkan nombor dan destinasi bas.

11. Selaras dengan kehendak semasa, kemudahan pembayaran tambang tanpa tunai turut diperkenalkan melalui penggunaan kad debit, kad kredit serta e-dompet menggunakan kod QR. Mod-mod pembayaran ini diharapkan akan memudahkan dan menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam darat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pas Perjalanan Tanpa Had Kad 30 Hari BAS.MY

12. Selain memastikan penyediaan perkhidmatan bas yang berkualiti, Kerajaan MADANI juga amat prihatin terhadap kos pengangkutan awam yang ditanggung oleh rakyat.
13. Sehubungan itu, **Pas Perjalanan Tanpa Had Kad 30 Hari BAS.MY** telah diperkenalkan di seluruh negara dengan harga hanya **RM30** bagi perjalanan tanpa had di semua laluan dalam rangkaian BAS.MY Kuantan, **khas untuk warganegara Malaysia**. Ini bermakna **pengguna hanya perlu membayar RM30** untuk menikmati perjalanan tanpa had di **kesemua 16 laluan BAS.MY Kuantan bagi tempoh 30 hari**.

14. Inisiatif ini menawarkan penjimatan yang amat signifikan, di mana kos perjalanan adalah sekitar **RM1 sehari** berbanding kadar tambang sebenar. Sebagai contoh, bagi perjalanan dari Hentian Bandar ke Balok Makmur, **tambang sebenar adalah RM3.50 bagi satu perjalanan sehala.**

Tambang Percuma Kad Konsesi BAS.MY

15. Selain itu, tambang percuma melalui Kad Konsesi BAS.MY turut diperkenalkan bagi perkhidmatan BAS.MY Kuantan. Di bawah inisiatif ini, **golongan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas, orang kurang upaya (OKU), pelajar sekolah berumur 7 hingga 17 tahun serta golongan mahasiswa layak menikmati tambang percuma apabila menggunakan perkhidmatan BAS.MY.**
16. Dengan adanya inisiatif ini, pelajar-pelajar sekolah di sekitar Kuantan serta pelajar-pelajar dari UIAM, UMPSA, POLISAS, Kolej Matrikulasi Pahang dan Kolej Komuniti Paya Besar dapat menggunakan perkhidmatan BAS.MY secara percuma. Seperti Kad 30 Hari BAS.MY, kemudahan ini juga hanya terbuka kepada warganegara Malaysia.

17. Untuk menikmati kemudahan tambang percuma ini, individu yang layak hanya perlu membuat pendaftaran sekali sahaja dengan bayaran RM10. Pendaftaran ini kekal selagi individu tersebut tergolong dalam kategori warga emas, OKU, pelajar sekolah atau mahasiswa.
18. Bagi meningkatkan kemudahan Kad Konsesi kepada rakyat, kad ini juga boleh digunakan di lokasi BAS.MY lain, seperti BAS.MY Kuala Terengganu atau BAS.MY Melaka. Pemegang Kad Konsesi BAS.MY Kuantan hanya perlu membuat pendaftaran di lokasi berkenaan tanpa sebarang bayaran tambahan dengan menggunakan kad konsesi yang sama.

BAS.MY Mobiliti

19. Satu lagi perkhidmatan tambahan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan ialah keperluan kepada pengendali BAS.MY Kuantan untuk menyediakan perkhidmatan pintu ke pintu secara tempahan bagi penumpang berkeperluan khas atau mobiliti terhad. Perkhidmatan ini bertujuan membawa penumpang ke destinasi rawatan perubatan seperti pusat dialisis, klinik kesihatan atau ke mana-mana destinasi lain dengan kadar tambang yang berpatutan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pemantauan dan Penalti

20. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sanwa Tours (M) Sdn. Bhd. yang telah dilantik sebagai pengendali perkhidmatan BAS.MY Kuantan melalui proses tender terbuka. Saya difahamkan pengarah urusannya En Sathies adalah seorang usahawan belia dan saya berbesar hati golongan belia juga mampu menyampaikan perkhidmatan yang baik. Saya berharap pihak pengendali akan sentiasa memastikan tahap perkhidmatan yang cekap, selamat dan efisien.

21. Untuk makluman, perkhidmatan BAS.MY ini akan dipantau melalui sistem GPS dari segi **ketersediaan perkhidmatan** dan **ketepatan masa**. Sekiranya pengendali gagal memenuhi KPI (*Key Performance Indicator*) yang ditetapkan bagi kedua-dua aspek ini, penalti akan dikenakan. Pemantauan berterusan ini penting bagi memastikan perkhidmatan BAS.MY sentiasa cekap dan diyakini oleh rakyat.

Prasarana Pengangkutan Awam

22. Bagi memastikan rakyat dapat menikmati perkhidmatan pengangkutan awam secara menyeluruh, saya ingin menyeru Kerajaan Negeri agar turut memperuntukkan dana yang mencukupi bagi pembangunan prasarana pengangkutan awam. Usaha ini penting bagi membangunkan ekosistem pengangkutan awam darat yang mampan.
23. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan penting dalam merangka pembangunan prasarana pengangkutan awam bagi menambah baik pengalaman pengguna. Antaranya termasuk pembinaan terminal pengangkutan awam, perhentian bas yang selesa serta penyediaan laluan pejalan kaki yang selamat.
24. Kementerian Pengangkutan juga telah mewujudkan peta rangkaian bagi semua laluan BAS.MY Kuantan, sepertimana peta rangkaian perkhidmatan rel di Lembah Klang. Pemaparan peta ini di terminal dan perhentian bas akan meningkatkan pengalaman pengguna, termasuk dalam kalangan pelancong.

Pengongsian Maklumat Web BAS.MY

25. Bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan BAS.MY, satu laman sesawang rasmi BAS.MY, iaitu **bas.my**, telah dibangunkan.
26. Laman web ini membolehkan pengguna menyemak laluan, jadual perjalanan, lokasi utama serta maklumat produk BAS.MY seperti Kad 30 Hari dan Kad Konsesi.
27. Selain itu, BAS.MY Kuantan turut dilengkapi dengan aplikasi *Journey Planner* yang membantu pengguna merancang perjalanan dengan lebih mudah melalui maklumat laluan dan waktu perjalanan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penutup

28. Dengan perbelanjaan yang besar oleh Kerajaan Persekutuan serta sokongan prasarana oleh Kerajaan Negeri, saya harap perkhidmatan BAS.MY akan menjadi pilihan utama rakyat. Segala kemudahan yang disediakan tidak akan bermakna tanpa penyertaan rakyat.

29. Sekali lagi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan hadir. Penghargaan juga ditujukan kepada barisan kepimpinan dan pengurusan negeri serta pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan yang telah bersama-sama merealisasikan perkhidmatan BAS.MY Kuantan. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan demi pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]